

## Semua kabel dalam kes kebakaran MRT telah diganti

KESEMUA kabel yang terjejas dalam kebakaran di stesen MRT Newton pada 13 Februari lalu telah diganti.

Selain itu, SMRT telah menjalankan ujian penebatan bagi semua kabel tarikan di bawah tanah serta meningkatkan pemeriksaan di semua terowong lain.

Ini dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan, Encik Lui Tuck Yew, ketika menjawab soalan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Penolong Profesor Eugene Tan, di Parlimen semalam.

“Kami telah mengesahkan bahawa kebakaran itu akibat litar pintas, yang kemungkinan besar disebabkan oleh isu-isu penebatan kabel. Ini akan disahkan oleh ujian makmal yang akan diselesaikan dalam beberapa minggu ini.

“Sebagai langkah segera, kabel terjejas telah digantikan.

“SMRT juga telah menjalankan ujian penebatan menyeluruh di semua kabel tarikan di bawah tanah dan meningkatkan pemeriksaan penebatan di pemasangan serupa di semua terowong,” ujar Encik Lui.

Beliau berkata Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) telah mengambil tindakan pantas bagi memadamkan kebakaran itu.

“Mujur tidak berlaku kecederaan ke atas penumpang atau kerosakan serius ke atas sistem MRT. Latihan memadam kebakaran dan usaha menyelamatkan yang kerap dijalankan oleh SCDF, Penguasa Pengangkutan Darat (LTA) dan pengendali pengangkutan awam telah membantu,” katanya.

Kebakaran itu menyebabkan gangguan perkhidmatan selama dua jam dan menjejaskan sekitar 15,000 penumpang.

Kali terakhir insiden serupa itu ber-



**AKIBAT LITAR PINTAS:** Menteri Pengangkutan, Encik Lui Tuck Yew, berkata kebakaran dekat stesen MRT Newton disebabkan litar pintas. Ini akan disahkan oleh ujian makmal yang akan diselesaikan dalam beberapa minggu ini. – Foto fail

laku ialah pada 2004.

Encik Lui berkata keselamatan penumpang dalam sistem MRT menjadi keutamaan pihaknya.

“Kami memandang serius kejadian ini, walaupun dalam kes ini kebakaran itu kecil dan tertumpu di terowong

tidak jauh dari stesen Newton.

“Saya juga menegaskan kepada SMRT dan LTA bahawa saya jangkakan siasatan penuh bagi mengetahui punca sebenar kebakaran itu dan mengambil iktibar, supaya kita dapat menguruskan kejadian serupa dengan lebih baik

pada masa depan, selain memastikan keselamatan penumpang dengan lebih baik.

“SMRT dan LTA juga akan mengkaji langkah-langkah pencegahan,” ujar Encik Lui, sambil berkata pengendali pengangkutan awam ada piawaian yang harus dipatuhi.